## NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA 1/2020

## PENGGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN BAGI PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN JURURUNDING EIA

Tuan/Puan,

Dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar telah membangunkan sistem atas talian bagi tujuan permohonan pendaftaran Jururunding EIA iaitu myCEP. Sistem ini dapat dicapai melalui https://mycep.doe.gov.my. Sistem ini akan menggantikan sepenuhnya pendaftaran yang dilaksanakan secara manual sebelum ini.

Bagi tujuan ini, satu tempoh akan diberikan kepada Jururunding untuk mengemaskini maklumat dan data-data yang berkaitan bagi tujuan rekod di pihak Jururunding dan juga Jabatan sebagaimana di Lampiran.

Dengan penggunaan sistem myCEP ini, adalah diharap semua pihak dapat menggunapakai bagi memudah dan melancarkan permohonan dan pendaftaran Jururunding EIA.

Sehubungan dengan ini, semua Jururunding dipohon mengambil maklum akan penggunaan sistem myCEP berkuatkuasa dari tarikh Notis dikeluarkan.

Sekian.

**JABATAN ALAM SEKITAR**

**KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**

1 Jun 2020

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia
Skim Pendaftaran Jururunding EIA
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Alam Sekitar dan Air ( KASA)
Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli
No 25, Persiaran Perdana, Presint 4
**62574 W.P. PUTRAJAYA**

Emel : skeia@doe.gov.my

**LAMPIRAN 1**

| Bil | Skim | Tujuan | Perincian | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Jururunding EIA Sedia Ada (*Existing Consultant Application*)<br><br>Kategori : CS, C, SS, ACS dan AC | i. Mengesahkan jururunding EIA yang telah didaftarkan untuk dikemaskini dalam sistem baru.<br>ii. Jururunding dapat mengemaskini maklumat. | iii. Taip url https://mycep.doe.gov.my<br>iv. *Validate Consultant* menggunakan ID *Consultant* dan E-mel yang didaftarkan dalam Skim Pendaftaran sebelum ini<br>v. *Activate Account* yang dihantar ke e-mel yang didaftarkan<br>vi. *Log In* untuk menggunakan sistem<br>vii. *Update Application* untuk mengemaskini dan menghantar permohonan<br>viii. **Tempoh masa bermula 1 Jun 2020 hingga 30 Julai 2020** | Sekiranya terdapat isu dengan penggunaan system boleh email ke skeia@doe.gov.my |
| 2. | Permohonan Baru (*New Consultant Application*)<br><br>Kategori : CS, C, SS, ACS dan AC | i. Mengemukakan permohonan bagi pendaftaran Jururunding EIA yang baru bagi semua skim pendaftaran secara dalam talian. | i. Taip url https://mycep.doe.gov.my<br>ii. *Register User*<br>iii. *Activate Account* yang dihantar ke e-mel yang didaftarkan<br>iv. *Log In* untuk menggunakan sistem<br>v. *New Application* untuk membuat dan menghantar permohonan baru<br>vi. **Tempoh masa bermula 1 Jun 2020** | |
| 3. | Pembaharuan Jururunding EIA (*Renewal Consultant Application*)<br><br>Kategori : CS, C, SS dan ACS | i. Mengemukakan permohonan pembaharuan pendaftaran secara dalam talian setelah pengesahan Bil (1) dilaksanakan. | i. Taip url https://mycep.doe.gov.my<br>ii. *Log In* untuk menggunakan sistem<br>iii. *New Application* untuk membuat dan menghantar permohonan pembaharuan<br>iv. Maklumat CPD boleh dikemaskini pada bila-bila masa<br>v. Permohonan seperti tarikh yang telah ditetapkan pada Notis 04/2018 | |

**CS- Consultant EIA and Subject ,C- Consultant EIA, SS- Subject consultant ,ACS- Assistant Consultant and Subject, AC-Assistant Consultant*